

**Rakyat Patut Berterima Kasih Kepada Najib Kerana Perkenalkan 1Malaysia
Bernama
Julai 31, 2011**

TUARAN, 31 Julai (Bernama) -- Rakyat negara ini sepatutnya berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak kerana memperkenalkan Gagasan 1Malaysia yang menjamin dan mengekalkan keamanan dan kesejahteraan, kata Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah Datuk Hajiji Noor.

Beliau berkata rakyat juga seharusnya mengambil iktibar suasana dan keadaan politik di beberapa negara luar yang sedang bergolak dan mengalami pelbagai ujian dan cabaran.

"Kita di Malaysia dan di negeri Sabah ini khususnya haruslah bersyukur walaupun hidup dalam pelbagai kaum, budaya, etnik dan kepercayaan serta perbezaan fahaman politik kita masih hidup dalam keadaan aman dan damai," katanya ketika berucap pada majlis penutup Program Merakyatkan Seni Budaya Ziarah Sahur di perkarangan Dewan Kampung Bolong Baru, dekat sini.

Program itu adalah anjuran Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Sabah di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia yang matlamatnya menyemarakkan pembangunan seni budaya tanah air dan memangkin perpaduan suku kaum di negara.

Hajiji berkata beliau teruja dengan program seumpama itu yang mana pemimpin masyarakat akan berpeluang bersahur bersama-sama dan beramai-ramai dengan komuniti terutamanya anak-anak yatim dan di rumah-rumah kebajikan.

Selain itu, beliau berharap program ziarah sahur yang akan berlangsung pada 6, 13 dan 20 Ogos bermula pukul 12 tengah malam hinggalah waktu bersahur itu sedikit sebanyak dapat memberikan sumbangan kepada mereka yang memerlukan terutama pada bulan Ramadan.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=605141>